

30/09/2003

'Pembangunan negara luar biasa'

PERUBAHAN menakjubkan dalam tempoh empat dekad penubuhan Malaysia adalah pencapaian cemerlang yang diterajui empat Perdana Menteri iaitu Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak Hussein, Tun Hussein Onn dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Perkembangan itu dilihat jauh lebih baik daripada beberapa negara maju.

Lonjakan pembangunan tidak kira membabitkan sektor perdagangan, ekonomi, kebudayaan, pengangkutan, sosial dan budaya serta tahap keselamatan, politik, pendidikan, sains dan teknologi membuktikan penubuhan Malaysia adalah tepat.

Penubuhan Malaysia pada 16 September 1963, menjadikan negara ini disegani dunia sekarang.

Pensyarah Sains Politik dan Hubungan Antarabangsa Universiti Of Minnesota dari Amerika Syarikat, Profesor Emeritus Gordon P Means, mengakui tahap pencapaian Malaysia adalah sesuatu yang luar biasa di bawah satu bumbung masyarakat majmuk yang hidup makmur dan sejahtera.

Katanya, daripada negara pertanian, Malaysia beralih kepada sebuah negara perindustrian dan teknologi dalam tempoh singkat iaitu 40 tahun saja.

"Ini berbeza dengan beberapa negara maju di Barat yang mencapai pembangunan hampir sama dengan Malaysia mengambil masa antara 60 hingga 80 tahun.

"Perbezaan yang ketara itu membuktikan Malaysia mampu mencapai tahap yang lebih maju sekiranya rentak pembangunan sekarang dikekalkan.

"Saya percaya bahawa tidak sampai 20 tahun akan datang, negara ini sebaris dengan negara maju lain.

"Lihat saja Jepun yang turut mengalami evolusi yang amat pesat hingga mereka kini menjadi gergasi ekonomi walaupun negara mereka hancur akibat ledakan bom atom di Hiroshima dan Nagasaki.

"Kerana itu tindakan Malaysia berkiblatkan negara timur membawa hasil lumayan," katanya.

Atas faktor itu, kata Means, pihak luar menganggap diri mereka selaku bekas kuasa penjajah, tidak semestinya melepaskan hak selama beratus tahun dengan mudah.

Katanya, walaupun berat mata memandang, penjajah tetap mempunyai sifat iri hati, namun secara diplomasinya, mereka menjalin kerjasama sehala, dua hala atau pelbagai hala.

"Malah, tindakan penubuhan Malaysia sebagai satu langkah berani dan drastik untuk berdikari sendiri tanpa mengharap tali pergantungan dengan bekas kuasa penjajah.

"Tindakan itu bukan saja untuk memaparkan secara ikhlas dan terbuka pelbagai masalah dan prestasi kemajuan masyarakat dan negara pada waktu itu. Bahkan, terpenting mencari, membentuk dan menangani formula terbaik dan terpilih agar pembangunan bersepadu serta bersesuaian dengan masyarakat majmuk di negara ini dapat dibentuk," katanya.